



**YAYASAN KEBAJIKAN NEGARA MALAYSIA**

**SIARAN MEDIA**

**'Projek CSR Untuk Jana Dana Bagi Penubuhan Anjung Kasih YKN – Primavalet'**

**Bangi, 3 Mei 2019** – “Yayasan Kebajikan Negara (YKN) telah menjalin program kerjasama strategik dengan syarikat Primavalet bagi menjana pendapatan untuk penubuhan Anjung Kasih YKN di Hospital Tuanku Ampuan Najihah, Kuala Pilah Negeri Sembilan. Melalui program ini, sebanyak RM 2 akan disumbangkan untuk projek penubuhan Anjung Kasih YKN – Primavalet dengan setiap satu pembelian baju rekaan terbaru 2019.”

Kenyataan ini diulas oleh YBrs Dr. Arshad Beg B. Mirzsja Hanjuan, Pengarah Urusan Syarikat Primavalet di Majlis Pelancaran Tabung Pembangunan Anjung Kasih YKN – Primavalet di Primavalet Ostia Bangi hari ini. Dengan kutipan RM 2, sejumlah RM 500 000.00 dijangka dapat dikumpul hasil daripada pembelian baju raya di Primavalet Ostia, Bangi oleh orang ramai sempena Hari Raya ini.

Anjung Kasih YKN merupakan rumah penginapan sementara untuk golongan yang memerlukan khususnya pesakit atau ahli keluarga yang kurang berkemampuan mengiringi pesakit yang sedang menerima rawatan di hospital terpilih.

Hospital Tuanku Ampuan Najihah, Kuala Pilah Negeri Sembilan dipilih pada kali ini kerana ia merupakan Hospital Pakar (major) bagi Negeri Sembilan yang menerima rujukan pesakit dari daerah seluruh Kuala Pilah seperti Jempol, Jelebu, Tampin dan sempadan Negeri Pahang. Hospital ini juga dipilih kerana ia merupakan sebuah Hospital Kerajaan Berpakar dengan 13 perkhidmatan sekunder.

Sempena Hari Raya ini orang ramai dijemput untuk membeli belah di Primavalet Ostia, Bangi sambil menyumbang untuk penubuhan Anjung Kasih YKN – Primavalet ini demi kepentingan kumpulan sasar yang amat memerlukan.

Turut hadir YBhg. Datin Paduka Che Asmah Ibrahim, Ketua Pegawai Eksekutif, Yayasan Kebajikan Negara (YKN) dan wakil Pengarah Hospital Tuanku Ampuan Najihah, Kuala Pilah Negeri Sembilan.

Disediakan oleh : Bahagian Dana dan Komunikasi Korporat  
Yayasan Kebajikan Negara Malaysia,  
Aras 8, Bangunan Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat,  
No. 55, Persiaran Perdana,  
Presint 4,  
62100 Putrajaya.  
No. Telefon : 012 – 394 5298 (Hanifah)  
Tarikh dikeluarkan : 2 Mei 2019